

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH  
(BUKIT GELUGOR)**

**TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [ BUKIT GELUGOR ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab-sebab Ahli Parlimen pembangkang dihalang oleh polis daripada memasuki bangunan Parlimen pada 2 Ogos 2021 dan siapa yang telah memberikan arahan tersebut kepada pihak polis.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Merujuk kepada pemberitahuan oleh Setiausaha Dewan Rakyat melalui surat bertarikh 31 Julai 2021, mantan YAB Perdana Menteri telah memaklumkan bahawa persidangan Mesyuarat Khas Penggal Ketiga Parlimen ke-14 pada Isnin, 2 Ogos 2021 ditangguhkan ke suatu tarikh yang akan ditetapkan kelak.

Penangguhan ini dibuat adalah selaras dengan penilaian risiko oleh Kementerian Kesihatan yang mengesahkan bahawa Parlimen Malaysia merupakan lokaliti berisiko untuk berlakunya penularan jangkitan COVID-19. Oleh demikian, adalah menjadi tanggungjawab pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) selaku pasukan yang menguatkuasakan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW  
[WANGSA MAJU]**

**TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 ( SELASA )**

**SOALAN**

**DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW [WANGSA MAJU]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk menggantikan aplikasi MySejahtera dengan aplikasi yang baru memandangkan ia telah gagal dalam fungsinya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk membina aplikasi baharu bagi menggantikan aplikasi MySejahtera. Ini memandangkan aplikasi MySejahtera telah mempunyai kapasiti untuk penambahan pelbagai fungsi bagi penambahbaikan aplikasi ini. Jika ada keperluan, aplikasi MySejahtera boleh dinaik taraf untuk memenuhi keperluan semasa tanpa perlu untuk membangunkan alternatif aplikasi yang baru.

2. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, aplikasi MySejahtera telah diimplementasi sejak April 2020 di mana Kerajaan melihat aplikasi ini sebagai aplikasi yang unggul dan rasmi. Sehingga kini terdapat 28,783,661 pengguna unik MySejahtera di seluruh negara. Terdapat pelbagai fungsi utama dalam MySejahtera seperti *check-in*, Pengesahan Profil Pengguna bagi program ePenjana, paspot digital kesihatan, pengawasan, *contact tracing*, vaksinasi, dan sijil vaksin digital. Bagi fungsi *check-in* sehingga kini, secara purata terdapat 23 juta *check-in* data setiap hari. Fungsi Survelan dalam MySejahtera boleh mengenal pasti kontak secara automatik dengan menggunakan keupayaan *artificial intelligent* (AI) dan ianya adalah sangat penting dalam pemulihan ekonomi.

3. MySejahtera juga mempunyai fungsi *Hotspot Identification Dynamic Engagement* (HIDE) iaitu fungsi mengenal pasti individu yang terdedah kepada individu positif COVID-19. Sehingga 25 Ogos 2021, data kluster HIDE yang diperolehi daripada MySejahtera adalah sebanyak 1,744 kluster, dimana 99 adalah kluster besar, dan 1,645 kluster kecil.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF  
[ JEMPOL ]**

**TARIKH : 22 SEPTEMBER 2021 ( SELASA )**

**SOALAN**

**DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF** minta **KEMENTERIAN KESIHATAN** menyatakan perkembangan terkini kajian tindakan mandatori terhadap golongan antivaksin yang boleh mempengaruhi pencapaian Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bilangan golongan antivaksin di Malaysia adalah rendah. Berdasarkan hasil kajian pada bulan April 2021 oleh Bahagian Pendidikan Kesihatan, kadar penerimaan vaksin COVID-19 oleh penduduk Malaysia ialah 85% manakala yang tidak setuju menerima vaksin hanyalah 5%. Namun, malangnya terdapat segelintir masyarakat yang terpengaruh dengan dakwah antivaksin, yang menakutkan masyarakat dengan kisah-kisah yang didakwa akibat pengambilan suntikan vaksin, walaupun dakwaan tersebut tidak ditentukan kesahihannya.

2. Buat masa ini, tindakan perundangan yang melibatkan individu yang mempengaruhi atau menghasut orang lain untuk tidak mengambil vaksin boleh dikuatkuasakan dengan menggunakan akta-akta sedia ada seperti Kanun Keseksaan atau Akta Hasutan.

3. Pelbagai inisiatif dilaksanakan oleh Kerajaan bagi menggalakkan penerimaan vaksin COVID-19 di kalangan masyarakat. Antaranya ialah:

- (i) Kerajaan memberikan kemudahan kepada penerima vaksin lengkap, seperti dibenarkan untuk makan di restoran, dibenarkan menyertai aktiviti solat di masjid dan surau atau aktiviti sembahyang di Rumah Ibadat Selain Islam (RISI), dan pasangan suami isteri jarak jauh dibenarkan untuk merentas daerah dan negeri.
- (ii) Kerajaan memudahkan penerimaan vaksin oleh masyarakat dengan menjalankan aktiviti *outreach* ke kawasan kampung dan pedalaman, serta menjalankan aktiviti pemberian suntikan vaksin di rumah bagi individu yang terlantar. Pemberian vaksin juga dilaksanakan secara *walk-in* di beberapa kawasan. Bagi industri dengan tenaga kerja yang besar, pemberian vaksin dilaksanakan di tempat kerja. Penambahan pusat pemberian vaksin (PPV) juga dilaksanakan di kawasan tertentu, bagi meningkatkan bilangan individu yang boleh diberi suntikan vaksin dalam sehari.
- (iii) Kementerian Kesihatan meneruskan usaha advokasi dan memberi penerangan mengenai kepentingan pengambilan vaksin COVID-19 kepada masyarakat, di samping menambahbaik dan memperluaskan pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan bagi menggalakkan penerimaan vaksin COVID-19 oleh masyarakat di setiap pelusuk negara ini.
- (iv) Inisiatif yang dilaksanakan ini telah menunjukkan hasil yang memberangsangkan. 85% penduduk dewasa di Malaysia telah menerima sekurang-kurangnya satu dos, manakala 65% penduduk dewasa telah lengkap menerima suntikan vaksin. Sasaran Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan dijangka boleh dicapai tanpa perlu mewajibkan imunisasi COVID-19.

Tuan Yang Di-Pertua,

4. Langkah mewajibkan suntikan vaksin COVID-19 ke atas seluruh rakyat Malaysia merupakan cadangan inisiatif terakhir yang sedang diteliti oleh Kementerian Kesihatan.

5. Selain cadangan menggunakan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) bagi mewajibkan pengambilan suntikan vaksin COVID-19 ke atas seluruh penduduk Malaysia, Kementerian Kesihatan turut meneliti beberapa alternatif lain untuk meningkatkan penerimaan vaksin COVID-19, iaitu:

- (i) Pilihan 'Opt Out' untuk tidak mengambil vaksin bagi individu yang tidak mahu mengambil vaksin dan bersetuju untuk tidak menikmati kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada penerima vaksin COVID-19 lengkap;
- (ii) Mewajibkan individu lengkap pengambilan vaksin COVID-19 sebagai syarat untuk melakukan aktiviti tertentu seperti memasuki fasiliti awam (premis makan, kompleks beli belah, premis-premis kerajaan, universiti, perpustakaan dan sebagainya) dan aktiviti sosial (bersukan dan sebagainya);
- (iii) Cadangan mewajibkan pengambilan vaksin dalam sektor tertentu sahaja seperti sektor kesihatan, sektor keselamatan, sektor pendidikan dan sektor perkhidmatan melalui peruntukan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [Akta 514].

6. Cadangan-cadangan yang dimaklumkan ini perlu dipertimbangkan oleh Jemaah Menteri terlebih dahulu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA  
[PARIT]**

**TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA [ PARIT ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:

- (a) bagaimanakah Kerajaan akan memastikan tidak berlakunya penularan mutasi COVID-19 seperti varian Lambda setelah memberi kebenaran pengembara luar negara menjalani kuarantin di rumah; dan
- (b) apakah langkah persediaan Kerajaan bagi memastikan Varian Lambda ini tidak menular di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi memastikan tidak berlakunya penularan mutasi COVID-19 seperti varian Lambda setelah memberi kebenaran pengembara luar negara menjalani kuarantin di rumah, langkah-langkah berikut dilaksanakan di pintu masuk antarabangsa (PMA) negara, iaitu:

- (i) hanya membenarkan kemasukan pengembara disahkan negatif COVID-19 dengan laporan ujian makmal RT-PCR yang dilakukan 3 hari sebelum berlepas;

## SOALAN NO : 79

- (ii) menjalankan saringan demam dan gejala seperti batuk dan sesak nafas;
- (iii) melakukan swab ke atas pengembara di PMA pada hari ketibaan bagi pengesanan jangkitan COVID-19 dengan menggunakan ujian RT-PCR;
- (iv) mewajibkan kuarantin selama 14 hari bermula dari tarikh kemasukan ke Malaysia, sama ada ia dilakukan di rumah, tempat kediaman atau stesen kuarantin, mengikut polisi semasa dan syarat-syarat yang ditetapkan;
- (v) tempoh kuarantin 14 hari ini akan dilanjutkan selama 7 hari lagi (menjadikan jumlah kuarantin 21 hari) sekiranya terdapat keperluan berdasarkan hasil penilaian risiko terhadap pengembara tersebut yang dijalankan pada hari ke-14; dan
- (vi) ujian makmal pada hari ke-10 bagi individu dengan kuarantin selama 14 hari dan ujian pada hari ke-18 bagi individu yang perlu menjalani kuarantin selama 21 hari

Tuan Yang di-Pertua

2. KKM sentiasa bersedia siaga bagi menghadapi peningkatan kes COVID-19. Antara perkara utama yang perlu ditingkatkan adalah pertambahan sumber. Sebagai intervensi jangka pendek, fasiliti kesihatan swasta serta pengamal perubatan swasta dilibatkan secara aktif bagi meningkatkan kapasiti pengurusan kes COVID-19, sementara rancangan menambah bilangan hospital serta pertambahan jumlah petugas kesihatan dari berbagai kategori dilakukan. Mobilisasi sumber daripada agensi KKM dan bukan KKM dilakukan bagi membantu dalam memberi rawatan, menjalankan siasatan kes dan kontak serta pengurusan data di negeri atau daerah terbabit. Kapasiti PKRC dan wad yang terhad pula diatasi dengan melaksanakan pemantauan kes COVID-19 kategori 1 dan 2 yang memenuhi kriteria yang ditetapkan, untuk menjalankan pengasingan di



rumah dan dipantau di CAC (COVID-19 *Assessment Centre*). Pemantauan status kesihatan harian pesakit turut dijalankan secara virtual; melalui CAC Virtual.

3. Survelan genomik virus SARS-CoV-2 ditingkatkan dengan menambahkan kapasiti untuk menjalankan ujian *whole genome sequencing* bagi pengesanan awal VOC. Keutamaan pengambilan sampel adalah daripada kes-kes yang dikesan di kawasan dengan kadar jangkitan yang tinggi atau peningkatan kes yang mendadak dalam masa yang singkat.

4. Bagi tujuan meningkatkan kapasiti tersebut, satu konsortium MOH-MOSTI-MOHE telah ditubuhkan. Agensi yang terlibat adalah Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), UMBI-UKM, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), *Faculty of Medicine Universiti Malaya*, TIDREC Universiti Malaya, Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Malaysian Genomic Institute. Sebanyak RM3 juta telah diperuntukkan kepada tujuh (7) agensi di bawah konsortium tersebut untuk melakukan sekurang-kurangnya 3,000 *whole genome sequencing* dalam masa tiga (3) bulan. Peruntukan khas diperlukan bagi memastikan kesinambungan survelan genomik ini dapat dilakukan selepas tempoh tersebut.

5. KKM sentiasa meningkatkan usaha untuk mencapai sasaran 80% imunisasi penduduk Malaysia, termasuk pemberian vaksinasi kepada bukan warganegara. Pemberian vaksin ini juga bagi meningkatkan liputan vaksinasi untuk mencapai imuniti kelompok yang dapat mengurangkan bilangan kes dengan gejala teruk yang memerlukan rawatan di hospital ataupun di unit rawatan rapi (ICU). Justeru, bekalan vaksin perlu dipastikan mencukupi.

6. KKM sedang meneliti keperluan memberi dos tambahan kepada penerima vaksin bagi memastikan kesan imuniti berpanjangan. Selain itu, pemberian vaksin kepada kumpulan umur di bawah 18 tahun juga telah dilancarkan pada 20 September 2021 bagi memastikan lebih ramai individu

dilindungi daripada mendapat gejala teruk di samping mengurangkan risiko kematian.

7. Pemerkasaan komuniti sentiasa ditekankan dan ditingkatkan kerana mereka merupakan barisan hadapan, selepas 18 bulan negara berdepan dengan COVID-19. Ia meliputi pematuhan SOP dan arahan yang ditetapkan oleh Kerajaan serta pembudayaan norma baharu. Komuniti juga perlu diperkasakan bagi memantau keselamatan, kesihatan dan kebajikan ahli komuniti terutama kes COVID-19 positif dan kontak rapat yang diperintahkan menjalani pengasingan, pengawasan dan pemerhatian di rumah.

8. Pekerja dan majikan di pelbagai sektor juga diperkasakan bagi memantau sendiri status kesihatan mereka. Ia termasuk menjalankan ujian sendiri pengesanan jangkitan COVID-19 menggunakan RTK antigen (Ag). Sekiranya positif COVID-19 dan sedang menjalani pengawasan dan pemerhatian di rumah, mereka perlu segera mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan sekiranya gejala bertambah teruk tanpa menunggu pihak kesihatan datang mengambil mereka.

9. Pemantauan dan penguatkuasaan juga dipertingkatkan di kawasan berlaku peningkatan kes COVID-19, bagi memastikan orang ramai sentiasa mematuhi SOP dan mengamalkan norma baharu. Aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan ini melibatkan pelbagai agensi penguatkuasa yang telah diberi kuasa di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB  
[ TANJONG MANIS ]**

**TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 ( SELASA )**

**SOALAN**

**TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah terdapat keperluan untuk vaksin COVID-19 dos yang ketiga atau booster shot seperti yang tular dalam banyak penerbitan media massa sekarang. Bilakah jangkaan dos ketiga ini akan dilakukan dan bagaimanakah kaedah pelaksanaannya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. YAB Perdana Menteri telah mengumumkan pada 19 September 2021 bahawa kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan pemberian dos ketiga vaksin COVID-19 bagi meningkatkan perlindungan kepada golongan rentan daripada risiko jangkitan COVID-19. Pemberian dos ketiga vaksin COVID-19 akan dilaksanakan apabila liputan imunisasi populasi dewasa di seluruh negara melebihi 80%.

2. Keutamaan akan diberikan kepada kumpulan yang berisiko tinggi terlebih dahulu seperti anggota barisan hadapan kesihatan, pesakit kurang daya tahan imun (*immunocompromised*), warga tua dengan komorbiditi dan individu yang tinggal atau bekerja di pusat jagaan jangka panjang (*long-term care facilities*).

3. Untuk makluman, dos tambahan terdiri daripada dua (2) kategori iaitu:

## SOALAN NO : 80

- a. **Dos ketiga:** bertujuan untuk meningkatkan tahap imuniti individu berisiko tinggi, yang mana dos kedua tidak mencukupi untuk memberi perlindungan terhadap jangkitan COVID-19.
- b. **Dos penggalak atau booster dose:** diberikan kepada semua individu untuk meningkatkan tahap imuniti yang menurun dalam tempoh tertentu selepas dos lengkap.

5. Sehubungan itu, panel pakar perubatan dan kesihatan sedang membangunkan satu Garis Panduan Pemberian Dos Tambahan, dan pada yang sama permohonan untuk mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah sedang dilaksanakan.

6. Pemberian dos tambahan perlu mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) terlebih dahulu sebelum ia dapat dilaksanakan. Sehingga kini, pihak Pemegang Pendaftaran Produk masih belum mengemukakan sebarang permohonan bagi kelulusan penggunaan dos tambahan kepada Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (NPRA).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [ SARIKEI ]**

**TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 ( SELASA )**

**SOALAN**

**TUAN WONG LING BIU** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa banyak sukarelawan terlibat di pelbagai pusat COVID-19 yang berkaitan dan berapa pekerja sementara diambil semasa pandemik COVID-19.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah bekerjasama dengan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) dan sukarelawan individu sejak Mac 2020 bagi menangani pandemik COVID-19. Bantuan sukarelawan telah digerakkan ke fasiliti-fasiliti kesihatan termasuk Bilik Gerakan, Pejabat Kesihatan Daerah, COVID-19 Assessment Center (CAC) dan juga Pusat Pemberian Vaksin(PPV).

2. Berdasarkan rekod KKM, bagi tahun 2021 (sehingga 5 September 2021), jumlah keseluruhan bantuan sukarelawan adalah seramai 3,852 bagi membantu KKM dalam menangani pandemik COVID-19. Perincian adalah seperti berikut:

- (i) seramai 522 sukarelawan NGO dan sukarelawan individu bagi tempoh Mac hingga Disember 2020; dan
- (ii) seramai 3,330 sukarelawan NGO dan sukarelawan individu.

3. Bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan KKM dalam mengurus kes COVID-19, strategi berkaitan keperluan sumber manusia dibuat seperti berikut:

- (i) memobilisasi petugas KKM ke negeri dan fasiliti yang memerlukan;
- (ii) mengoptimumkan petugas kontrak sedia ada; dan
- (iii) melaksanakan kolaboratif dengan agensi awam lain seperti Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam, MAMPU, Jabatan Perangkaan, kementerian-kementerian lain dan Pihak Berkuasa Negeri.

4. Berdasarkan rekod KKM juga, hingga 25 Ogos 2021, seramai 4,035 personel MyStep telah dilantik bagi membantu pelaksanaan tugas pentadbiran/bukan klinikal.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN  
IDRIS [ JERANTUT ]**

**TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 ( SELASA )**

**SOALAN**

**DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [ JERANTUT ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status keperluan pelaksanaan dos ketiga (booster dose) dan vaksin heterologous (campuran vaksin) setelah mendapat syor dari pakar menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Vaksin COVID-19 (JKJAV).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. YAB Perdana Menteri telah mengumumkan pada 19 September 2021 bahawa kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan pemberian dos ketiga vaksin COVID-19 bagi meningkatkan perlindungan kepada golongan rentan daripada risiko jangkitan COVID-19.

2. Keutamaan akan diberikan kepada kumpulan yang berisiko tinggi terlebih dahulu seperti anggota barisan hadapan kesihatan, pesakit kurang daya tahan imun (*immunocompromised*), warga tua dengan komorbiditi dan individu yang tinggal atau bekerja di pusat jagaan jangka panjang (*long-term care facilities*). Pemberian dos ketiga vaksin COVID-19 akan dilaksanakan apabila liputan imunisasi populasi dewasa di seluruh negara melebihi 80%. Bagi tujuan tersebut, panel pakar perubatan dan kesihatan sedang membangunkan garis panduan pelaksanaan pemberian dos ketiga dan pada yang sama permohonan untuk mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah sedang dilaksanakan.

3. Data keberkesanan vaksin dos penggalak sama ada secara homologos atau heterologos masih terhad. Oleh itu, bagi memastikan kesinambungan agenda ini, KKM telah merangka strategi dan satu jawatankuasa di peringkat kebangsaan telah dibentuk bagi meneliti perkara tersebut termasuk merangka pelan implementasi yang sistematik dan mampan. Jawatankuasa ini di anggotai oleh pakar-pakar pelbagai bidang dan sektor.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG  
[ BUKIT MERTAJAM ]**

**TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 ( SELASA )**

**SOALAN**

**TUAN SIM CHEE KEONG [ BUKIT MERTAJAM ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tarikh tempahan, kos, dan jumlah dos untuk setiap vaksin yang telah diluluskan untuk kegunaan negara.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Tarikh tempahan bagi setiap jenis vaksin adalah berbeza berdasarkan kaedah atau proses tempahan yang ditetapkan oleh pengeluar vaksin atau COVAX Facility. Secara umumnya, tempahan bagi sesuatu jenis vaksin berkuat kuasa sebaik sahaja *term sheet* atau Surat Setuju Terima (SST) ditandatangani. Proses ini telah bermula sejak dari November 2020 sehingga Mei 2021.
2. Secara keseluruhannya kerajaan telah menempah sebanyak 87.9 juta dos vaksin dengan anggaran kos sebanyak RM4.64 billion yang meliputi kos vaksin serta logistik vaksin. Perincian jenis, bilangan dos dan tarikh tempahan vaksin adalah seperti berikut:

BIL .	PENGELUAR	TARIKH TERM SHEET DITANDATANGANI	BIL. DOS
1.	<b>COVAX Facility</b> (AstraZeneca)	24 November 2020 <i>(Optional Purchase Arrangement &amp; Shareholder Confidentiality Agreement bersama COVAX Facility)</i>  23 Mac 2021 (MoU bersama UNICEF - AztraZeneca)  30 Mac 2021 <i>(Indemnity &amp; Letter of Acceptance for the Cost Estimate - AstraZeneca)</i>	<b>6.4 juta</b> (2 dos/seorang)
2.	<b>Pfizer &amp; BioNTech</b> (BNT162b2)	24 November 2020 <i>(Term Sheet)</i>	<b>44.8 juta</b> (2 dos/seorang)
3.	<b>AstraZeneca /</b> University of Oxford (AZD1222)	21 Disember 2020 (Surat Setuju Terima)	<b>6.4 juta</b> (2 dos/seorang)
4.	<b>Sinovac</b> Biotech Ltd./Pharmaniaga Lifescience Sdn. Bhd. (CoronaVac)	26 Januari 2021 <i>(Term Sheet)</i>	<b>20.4 juta</b> (2 dos/seorang)
5.	<b>CanSino</b> Biologics Inc. (AD5-nCOV)	29 Januari 2021 <i>(Term Sheet)</i>	<b>3.5 juta</b> (1 dos/seorang)
6.	<b>Gamaleya</b> (Sputnik V)	26 Januari 2021 <i>(Term Sheet)</i>	<b>6.4 juta</b> (2 dos/seorang)
<b>JUMLAH</b>			<b>87.9 juta dos</b>

Nota:

- i) Data dikemaskini hingga 13 September 2021.
- ii) Gamaleya – Tertakluk kepada kelulusan pendaftaran vaksin yang diterima daripada NPRA dan PBKD.

3. Memandangkan Kerajaan Malaysia terikat dengan *Non Disclosure Agreement* (NDA) iaitu syarat kerahsiaan yang ditetapkan syarikat pengeluar vaksin, maklumat-maklumat terperinci setiap perjanjian tidak boleh didedahkan kepada umum termasuklah harga vaksin. Walau bagaimanapun, kos perolehan bagi setiap jenis vaksin telah dijelaskan dalam Prosiding Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), Mesyuarat Khas Parlimen Keempat Belas yang diadakan pada 2 Ogos 2021.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG  
[ BUKIT MERTA JAM ]**

**TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 ( SELASA )**

**SOALAN**

**TUAN SIM CHEE KEONG [ BUKIT MERTA JAM ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa anggaran baki bekalan vaksin selepas 100% populasi divaksinasi, jenis vaksin, tarikh luput, kos simpanan dan rancangan Kerajaan untuk bekalan tersebut.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Secara keseluruhannya kerajaan telah menempah sebanyak 87.9 juta dos vaksin melalui enam (6) pembekal vaksin iaitu COVAX Facility (AstraZeneca), AstraZeneca, Pfizer, Sinovac, Cansino dan Gamaleya. Pembekalan keseluruhan vaksin dijangka selesai pada suku kedua tahun 2022.

2. Kuantiti vaksin yang telah dibuat perolehan adalah meliputi 142.82% populasi Malaysia. Sekiranya 100% populasi Malaysia berjaya divaksin, akan terdapat baki bekalan vaksin dengan anggaran kuantiti yang boleh meliputi 42.82% populasi penduduk. Baki bekalan vaksin ini dicadang untuk digunakan sebagai dos tambahan serta vaksinasi golongan remaja berumur 12 tahun ke atas. KKM telah mengumumkan bahawa vaksinasi remaja dilaksanakan mengikut keutamaan seperti berikut:

- i) Remaja berumur 12 tahun dan ke atas yang mempunyai 'comorbid' di hospital dan klinik kesihatan yang merawat mereka; dan
- ii) Remaja berumur 16 dan 17 tahun tanpa mengira status kesihatan.

3. Bagi penyimpanan vaksin, KKM telah menyediakan fasiliti Pusat Simpanan Vaksin (PSV) yang mencukupi mengikut jumlah bekalan berkala yang dihantar oleh pihak pembekal. Lazimnya bekalan vaksin yang dihantar akan mempunyai tempoh luput yang mencukupi dan dipantau mutu oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) dan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA).

Sekian, terima kasih.